

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

TARIKH : 27.8.2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status Projek Lampu Jalan Kampung (LJK) tahun 2019 dan peruntukan LJK 2020 bagi Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di Parlimen Sibuti untuk tahun 2019, sebanyak 95 unit LJK telah dipasang, dengan pecahan 47 unit lampu *high pressure sodium vapour* (HPSV) manakala 48 unit lagi lampu jenis *light emitting diode* (LED), melibatkan peruntukan sebanyak RM255,010.00.

Bagi pelaksanaan tahun 2020 di Negeri Sarawak, sebanyak 160 unit lampu jenis HPSV dan 40 unit lampu jenis LED, melibatkan peruntukan sebanyak RM232,800.00 telah diperuntukkan untuk pemasangan di setiap Parlimen luar dan pinggir bandar di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, LJK yang dipasang adalah berdasarkan senarai kampung yang diterima daripada Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) mengikut keperluan, yang mana kerja-kerja pemasangan dijalankan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), serta dioperasi dan disenggara secara berterusan oleh pihak berkuasa elektrik negeri (PBEN) tersebut.